

## Soalan Lazim (FAQ)

### Nestlé Home of Good Peraduan Rezeki Berganda

#### 1. Bagaimana cara untuk menyertai Nestlé Home of Good Peraduan Rezeki Berganda?

Untuk menyertai peraduan ini, anda perlu:

- Membuat pembelian minima RM10.00 bagi Produk Nestlé Turut Serta dalam satu (1) resit tunggal daripada mana-mana kedai fizikal atau peniaga dalam talian sepanjang Tempoh Promosi.
- Klik bahan promosi Peraduan melalui Meta Ads atau mulakan perbualan WhatsApp dengan nombor Nestlé Home of Good Click-to-WhatsApp (CTWA): +6011 3011 6524 untuk memulakan penyertaan.
- Bagi memastikan penyertaan anda sah dan berjaya dihantar, anda perlu melengkapkan keseluruhan proses berikut:
  - Bersetuju untuk menjadi ahli Nestlé Home of Good.
  - Bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan serta Notis Privasi.
  - Mengisi semua maklumat wajib dan memuat naik satu (1) resit dalam format JPG, PNG atau PDF yang tidak melebihi 5MB.
  - Menghantar penyertaan melalui nombor Nestlé Home of Good CTWA: +6011 3011 6524.

#### 2. Bagaimana jika jumlah resit saya melebihi RM10.00?

- Setiap perbelanjaan RM10.00 bagi Produk Nestlé Turut Serta dalam satu (1) resit tunggal akan diperuntukkan satu (1) nombor siri. Sebarang tambahan RM10.00 dalam resit yang sama akan diperuntukkan satu (1) nombor siri tambahan.
- Jumlah maksima nombor siri yang boleh diperuntukkan bagi setiap Resit/Bukti Pembelian ialah lima belas (15) nombor siri, bersamaan dengan RM150.00. Sebarang jumlah melebihi RM150.00 dalam satu resit tidak akan diambil kira untuk penyertaan tambahan.
- Contoh pengiraan:
  - RM15.00 = 1 nombor siri
  - RM39.90 = 3 nombor siri
  - RM189.30 = 15 nombor siri
- Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan satu (1) resit sahaja. Penyertaan yang mengandungi lebih daripada satu (1) resit akan dibatalkan.

#### 3. Apakah produk yang turut serta dalam Peraduan ini?

**SEMUA** produk Nestlé ("Produk Turut Serta"), kecuali:

- PURINA;
- NESPRESSO;
- NESCAFÉ Starbucks;
- NESCAFÉ Dolce Gusto;
- **Semua** produk Nestlé Health Science;
- **Semua** produk Nestlé Infant Formula;
- **Semua** produk Nestlé Professional (termasuk tetapi tidak terhad kepada MAGGI Catering Pack, MILO 3.2kg, NESCAFÉ 500g.)

**4. Peruncit manakah yang boleh saya beli untuk menyertai peraduan ini?**

- Anda boleh membuat pembelian daripada mana-mana peruncit, sama ada di kedai fizikal atau secara peniaga dalam talian yang menjual Produk Turut Serta.

**5. Bagaimana cara untuk menghantar penyertaan?**

Untuk menghantar penyertaan, anda perlu:

- Membuat pembelian minimum RM10.00 bagi Produk Nestlé Turut Serta dalam satu (1) Resit yang tunggal.
- Melengkapkan proses CTWA sepanjang Tempoh Promosi melalui nombor WhatsApp Business Nestlé Home of Good: +6011 3011 6524.
  - Menjadi ahli Nestlé Home of Good (jika berkenaan) serta bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan dan Notis Privasi.
  - Mengisi semua maklumat mandatori dan memuat naik satu (1) Resit dalam format JPG, PNG atau PDF yang tidak melebihi 5MB.
  - Mengisi jumlah keseluruhan pembelian Produk Nestlé Turut Serta serta tarikh pembelian, dan seterusnya menghantar Penyertaan.
- Penganjur akan memaparkan mesej “Terima Kasih” bagi setiap Penyertaan yang berjaya diterima. Pengesahan penerimaan tersebut tidak bermaksud peserta telah memenangi sebarang hadiah.

**6. Berapa lama masa yang saya ada untuk melengkapkan penyertaan?**

- Setiap penyertaan hendaklah diselesaikan dalam tempoh satu (1) jam dari masa proses CTWA dimulakan. Kegagalan untuk melengkapkan penyertaan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan penyertaan tersebut dianggap tidak sah, dan anda perlu memulakan semula penyertaan yang baharu.

**7. Apakah yang dianggap sebagai Resit/Bukti Pembelian yang sah?**

- Resit mestilah memaparkan pembelian minima RM10.00 Produk Nestlé Turut Serta daripada mana-mana peruncit fizikal atau dalam talian sepanjang Tempoh Promosi.
- Resit hendaklah dengan jelas menunjukkan tarikh pembelian, butiran produk serta maklumat peruncit seperti nama dan/atau logo premis tempat pembelian dibuat.
- Resit bertulis tangan atau resit yang tidak memaparkan dengan jelas butiran produk, maklumat peruncit atau tarikh pembelian akan dibatalkan.

**8. Perlukah saya memasukkan jumlah keseluruhan resit atau hanya jumlah pembelian Produk Nestlé Turut Serta?**

- Sila masukkan hanya jumlah pembelian Produk Nestlé Turut Serta sahaja, dan bukan jumlah keseluruhan resit.
- Jumlah yang layak akan dikira berdasarkan harga produk yang tertera pada resit, dan bukan harga selepas diskaun.
- Sila rujuk contoh imej resit di bawah sebagai panduan.

## Senario 1

**SAMPLE**

BENS INDEPENDENT GROCER @ PUBLIKA  
An Outlet of TFP Retail Sdn Bhd  
(201301018031 / 1047854-H)  
D-1-5, Sunway Pyramid, Jalan PJU 5/1,  
Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor  
Tel: 603-2608 5936 | Fax: 603-6209 1701  
SST ID : W-10-1808-32000353

Receipt No.: 000BPS-P04000532707  
Staff: PUSPAVATHI Trans: 532692  
Date: 21/02/26 4:43

| Description                                         | Amount  |
|-----------------------------------------------------|---------|
| Barcode: 9556001258298<br>MILO ACTIV-GO LESS S unit | 14.15 Z |
| Barcode: 9556627000134<br>STAR FLAVOUR VANILLA unit | 3.00 Z  |
| M_SS_BIG/BSC RAMADAN                                | -0.31   |
| Barcode: 12240654<br>BIG NON WOVEN BAG 1P unit      | 2.99 Z  |
| Subtotal RM                                         | 19.83   |
| Total RM                                            | 19.83   |
| M_SS_BIG/BSC RAMAD 0.31                             | -19.85  |
| MBB Terminal                                        |         |
| Rounding                                            | 0.02    |
| VAT% Net.Amt VAT Amount                             |         |
| Z 0 19.83 0.00                                      | 19.83   |

BIG.COM.MY  
FACEBOOK.COM/BENSINDEPENDENTGROCER  
EXCHANGE & REFUND MAY BE ALLOWED  
WITHIN 3 DAYS WITH ORIGINAL TAX INVOICE  
EXCLUDING READY TO EAT ITEMS  
THANK YOU, PLEASE COME AGAIN  
Visit below portal for E-Invoice Requests:  
<https://einvportal.tfpmy.com>  
Verification Code: Bce8e8

2104000532692



- Jumlah nilai pembelian Produk Nestlé Turut Serta: **RM14.15**
- Jumlah amaun layak yang direkodkan: **RM14.15**

## Senario 2:



- Jumlah nilai pembelian Produk Nestlé Turut Serta: **RM30.35**
- Jumlah amaun layak yang direkodkan: **RM30.35**

## 9. Apakah tempoh Peraduan ini?

- Tempoh Peraduan ini adalah dari 2 Mac 2026 hingga 12 April 2026.

## 10. Siapakah yang layak menyertai peraduan ini?

- Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permulaan Promosi.

## 11. Bolehkah saya menyertai lebih daripada satu kali?

- Ya, anda boleh menghantar lebih daripada satu (1) Penyertaan untuk Peraduan ini. Walau bagaimanapun:
  - Setiap penyertaan mesti disertakan dengan resit yang unik.
  - Setiap resit hanya boleh digunakan untuk satu (1) Penyertaan sahaja.

- Resit yang dihantar dalam penyertaan berasingan tidak boleh digabungkan atau dikira secara terkumpul.

## 12. Apakah hadiah yang ditawarkan dalam Peraduan ini?

- Tiga (3) Hadiah Utama: Jongkong Emas POH KONG 5g 999.9 (Koleksi Bunga Raya), dengan ketulenan 999.9 Emas Tulen dan berat 5g setiap satu, bernilai RM3,730.00 seunit. Nilai jongkong emas adalah tertakluk kepada perubahan harian dan boleh berbeza bergantung kepada harga emas antarabangsa, penawaran dan permintaan, kadar pertukaran mata wang serta faktor pasaran lain.
  - Penganjur berhak, atas budi bicara mutlak, untuk menggantikan Hadiah Utama dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara, yang tidak semestinya daripada penyedia atau koleksi yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini.
- Tiga puluh enam (36) Hadiah Saguhati Mingguan: Hadiah wang tunai bernilai RM250.00 setiap satu, dengan enam (6) pemenang dipilih setiap minggu sepanjang Tempoh Promosi. Hadiah Saguhati Mingguan yang tidak diberikan pada mana-mana minggu tidak akan dibawa ke minggu berikutnya

## 13. Bagaimanakah pembahagian mingguan bagi Hadiah Saguhati Mingguan?

Pengumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyertaan diterima, dan enam (6) tempoh mingguan adalah seperti berikut:

- Minggu 1: 2 Mac 2026, 00:00:00 - 8 Mac 2026, 23:59:59
- Minggu 2: 9 Mac 2026, 00:00:00 - 15 Mac 2026, 23:59:59
- Minggu 3: 16 Mac 2026, 00:00:00 - 22 Mac 2026, 23:59:59
- Minggu 4: 23 Mac 2026, 00:00:00 - 29 Mac 2026, 23:59:59
- Minggu 5: 30 Mac 2026, 00:00:00 - 5 April 2026, 23:59:59
- Minggu 6: 6 April 2026, 00:00:00 - 12 April 2026, 23:59:59

## 14. Bolehkah saya memenangi lebih daripada satu (1) hadiah?

- Tidak. Setiap Peserta hanya layak memenangi satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Promosi.

## 15. Bagaimanakah saya akan dimaklumkan sekiranya saya disenarai pendek untuk memenangi hadiah?

- Finalis akan dihubungi melalui WhatsApp Business daripada nombor +6011 1108 0268 (diuruskan oleh penyedia perkhidmatan kami, MediaCliQ) dan dikehendaki menjawab satu soalan berbentuk kemahiran dengan jawapan yang betul dalam tempoh 48 jam dari mesej dihantar.
- Hanya finalis yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi.

## 16. Bagaimana jika saya menghantar maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat?

- Penyertaan yang tidak lengkap, sukar dibaca, pendua atau dipalsukan akan dibatalkan tanpa notis terlebih dahulu. Sila pastikan semua maklumat yang dihantar adalah tepat dan lengkap.

## 17. Adakah saya perlu menyimpan resit yang telah dihantar?

- Ya. Anda dikehendaki menyimpan semua resit asal yang dihantar bagi Peraduan ini. Penganjur berhak untuk meminta resit asal bagi tujuan pengesahan.

Kegagalan mengemukakan resit yang diminta boleh menyebabkan penyertaan dibatalkan.

**18. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya disenarai pendek sebagai pemenang Hadiah Utama?**

- Penganjur akan menghubungi anda melalui WhatsApp daripada nombor +6011 1108 0268 (diuruskan oleh penyedia perkhidmatan kami, MediaCliQ) ke nombor telefon yang anda daftarkan melalui CTWA untuk menjawab satu (1) soalan berbentuk kemahiran dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari mesej dihantar.
- Kegagalan untuk memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan atau memberikan jawapan yang betul akan menyebabkan hadiah dibatalkan.
- Sekiranya anda menjawab dengan betul dalam tempoh yang ditetapkan, anda akan disahkan sebagai Pemenang. Penganjur kemudiannya akan meminta maklumat berikut melalui WhatsApp bagi tujuan penghantaran:
  - Nama penuh seperti dalam NRIC
  - Nombor NRIC (dalam format teks)
  - Alamat rumah
- Hanya satu (1) Hadiah Utama sahaja akan dianugerahkan bagi setiap isi rumah berdasarkan alamat rumah yang sama.

**19. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya disenarai pendek sebagai pemenang Hadiah Saguhati Mingguan?**

- Penganjur akan menghubungi anda melalui WhatsApp daripada nombor +6011 1108 0268 (diuruskan oleh penyedia perkhidmatan kami, MediaCliQ) ke nombor telefon yang anda daftarkan melalui CTWA untuk menjawab satu (1) soalan berbentuk kemahiran dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari mesej dihantar.
- Kegagalan untuk memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan atau memberikan jawapan yang betul akan menyebabkan hadiah dibatalkan.
- Sekiranya anda menjawab dengan betul dalam tempoh yang ditetapkan, anda akan disahkan sebagai Pemenang. Penganjur kemudiannya akan meminta maklumat berikut melalui WhatsApp bagi tujuan pemindahan wang secara dalam talian:
  - Nama penuh seperti dalam NRIC
  - Nombor NRIC (dalam format teks)
  - Nama bank
  - Nombor akaun bank

**20. Di manakah pengumuman pemenang akan dibuat?**

- Pengumuman Pemenang akan disiarkan di laman media sosial Penganjur di: <https://www.facebook.com/nestlehomeofgood> dan di laman web rasmi Penganjur di: <https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/peraduan-rezeki-berganda>
- Pengumuman akan dibuat dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas tarikh penutupan Tempoh Promosi.